



29 JUN, 2020

KPDNHEP Pahang keluar kompaun RM39,650 atas kesalahan tanda harga

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

KPDNHEP Pahang keluar kompaun RM39,650 atas kesalahan tanda harga



Nazri (kanan) diiringi Ahmad Fitri melawat tapak pasar tani kekal kendalian FAMA di Bandar Dara semalam.

KUANTAN - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang menerjunkan kompaun berjumlah RM39,650 bagi kesalahan penandaan harga dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Exco Hal Ehwal Felda, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna Pahang, Datuk Nazri Ngah berkata, jumlah kompaun itu membabitkan 109 peniaga yang gagal mematuhi peraturan itu.

Menurutnya, dua daerah tertinggi merekodkan kesalahan berkenaan ialah Kuantan dan Temerloh membabit-

kan perniagaan kedai runcit dan kedai buah-buahan di tepi jalan.

“Setakat dua hari lalu KPDNHEP sudah menge luarkan kompaun lebih RM39,000.

“Peniaga perlu mematuhi undang-undang melibatkan penandaan harga sekali gus menzahirkan perdagangan yang beretika dan adil,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akbar selepas melakukan lawatan ke tapak pasar tani kekal kendalian Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia (FAMA) di Bandar Dara semalam.

Hadir sama Ketua Penguruh kuasa KPDNHEP Pahang, Ahmad Fitri Ali.

Nazri berkata, pegawai penguatkuasaan dan pemantauan harga akan terus digerakkan untuk memantau penandaan dan perubahan harga di pasaran seluruh negeri ini.

Ditanya mengenai laporan kenaikan harga barang keperluan asas di Pahang, Nazri berkata, setakat ini KPDNHEP negeri menerima 637 laporan dan semua laporan itu sudah diambil tindakan penguatkuasaan oleh pegawai dan anggota KPDNHEP.



29 JUN, 2020

KPDNHEP Pahang keluar kompaun RM39,650 atas kesalahan tanda harga

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Nazri (kanan) diiringi Ahmad Fitri melawat tapak pasar tani kekal kendalian FAMA di Bandar Dara semalam.

KUANTAN - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang mengeluarkan kompaun berjumlah RM39,650 bagi kesalahan penandaan harga dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini. Exco Hal Ehwal Felda, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna Pahang, Datuk Nazri Ngah berkata, jumlah kompaun itu membabitkan 109 peniaga yang gagal mematuhi peraturan itu.